

PERATURAN-PERATURAN Residen Dewan Malaysia Australia

FASAL 1: PERKARA AM

1. Residen hendaklah mematuhi semua Peraturan dan Disiplin Dewan Malaysia seperti yang telah ditetapkan oleh *Education Malaysia Australia* (EMA) dan menandatangani surat Akujanji sebagai Residen Dewan.
2. Dewan Malaysia ialah tempat tinggal untuk Residen warganegara Malaysia sahaja, ia merupakan tempat tinggal sementara (transit) dan bukannya tempat tinggal tetap. Residen perlu membuat permohonan pada setiap semester pengajian. Setiap Permohonan Residen yang diluluskan adalah untuk semester berkenaan sahaja. Semua Residen perlu mendaftar keluar pada akhir setiap semester dan mengemukakan permohonan baru jika ingin menginap semula di Dewan Malaysia.
3. Pihak Pentadbir Dewan Malaysia berhak membuat pemeriksaan ke atas bilik Residen pada sebarang masa yang difikirkan perlu. Tindakan disiplin boleh dikenakan sekiranya Residen didapati melanggar sebarang peraturan yang ditetapkan.
4. Sebarang kerosakan di Dewan Malaysia Australia hendaklah dimaklumkan segera kepada pihak pengurusan dewan mengikut prosedur yang ditetapkan.

FASAL 2: KESELAMATAN

1. Residen Dewan Malaysia perlu sentiasa menjaga keselamatan diri dan harta benda. Pintu bilik hendaklah sentiasa dikunci. Kunci bilik tidak boleh ditinggalkan di pintu pada bila-bila masa sekalipun. Residen juga perlu memastikan pintu masuk utama ditutup sempurna sepanjang masa. Pihak Pentadbir Dewan Malaysia tidak bertanggungjawab atas segala kecurian atau kehilangan barang sekiranya berlaku.
2. Residen dilarang sama sekali membuat pendua kunci atau mempunyai lebih daripada satu set kunci bilik Dewan Malaysia tanpa kebenaran Pembantu Warden.
3. Residen perlu patuh kepada peraturan keselamatan kebakaran yang disediakan. Pintu kecemasan di hujung Tingkat Atas dan Bawah hendaklah sentiasa ditutup dan hanya digunakan semasa kecemasan. Sekiranya sistem penggera kebakaran berbunyi atas kecuaiian Residen, caj denda perlu ditanggung sepenuhnya oleh Residen.
4. Semua bentuk riadah/permainan hendaklah dihentikan mulai jam 7.00 petang. Ketua/Penganjur permainan bersama-sama pengguna lain hendaklah bertanggungjawab menyimpan dan menjaga keselamatan peralatan sukan. Setiap peralatan sukan yang dipinjam hendaklah direkodkan dalam buku log yang disediakan oleh Dewan Malaysia.

5. Residen tidak dibenarkan memelihara sebarang binatang kesayangan.
6. Tetamu Residen hanya dibenarkan bertemu di ruang tamu Dewan Malaysia sahaja dan hanya dibenarkan berada sehingga jam 10.00 malam.
7. Setiap residen hendaklah menjaga sensitiviti sesama residen. Sebarang perlakuan, percakapan, pakaian atau apa-apa sahaja yang menggugat sensitiviti perkauman, keagamaan dan Negara bakal dikenakan tindakan tatatertib.
8. Residen diingatkan bahawa sebarang kerosakan, kehilangan atau kecederaan peribadi adalah tanggungjawab Residen sendiri.

ETIKA BERPAKAIAN

Residen hendaklah sentiasa memakai pakaian yang sopan dan tidak mencolok mata (menutup aurat). Pakaian yang seperti berikut juga adalah dilarang:



FASAL 3: KEBERSIHAN & PENGGUNAAN KEMUDAHAN

1. Residen perlu pastikan bilik sentiasa bersih dan teratur. Tilam dan bantal perlu disarung dengan cadar dan sarung bantal yang bersih setiap masa. Residen diwajibkan untuk memasang 'mattress protector' pada tilam yang digunakan.
2. Residen tidak dibenarkan untuk mengalih arah kedudukan perabot di dalam bilik tanpa kebenaran Pembantu Warden.
3. Residen juga tidak dibenarkan menampal sebarang poster atau memasang paku di dinding bilik, dinding almari dan perabot lain. Poster hanya dibenarkan dilekatkan di papan notis yang disediakan.
4. Residen tidak dibenarkan memaku pada semua dinding dan perabot tanpa kebenaran Pembantu Warden.
5. Residen perlu memastikan sampah hendaklah dibuang ke dalam tong sampah besar di luar bangunan. Bungkus sampah yang dibuang di dalam tong sampah besar hendaklah diikat rapi.

6. Residen perlu menggunakan bilik air dengan baik dan memastikan bilik air sentiasa kemas dan bersih sepanjang masa serta mengelakkan pembaziran air. Paip air hendaklah ditutup dengan kemas.
7. Residen perlu menggunakan elektrik dengan sebaik mungkin iaitu memastikan semua lampu, pemanas udara (*heater*) dan alatan elektrik hendaklah dipadam sebelum keluar dari bilik.
8. Hanya alat kelengkapan elektrik berikut dibenarkan berada di bilik Residen; Komputer peribadi, mesin pencetak, mesin pengimbas, radio kecil, pengering rambut, lampu meja, kipas kecil, pengecas telefon, dan pemanas mini.
9. Bilik menggosok ada disediakan di bilik *Laundry* di Tingkat Bawah. Residen tidak dibenarkan menggosok pakaian di dalam bilik.
10. Residen tidak dibenarkan merokok di dalam bilik, di dalam bangunan Dewan Malaysia dan di perkarangan Dewan Malaysia.
11. Sebarang surat atau bungkusan yang dialamatkan kepada Dewan Malaysia yang tidak dituntut melebihi DUA (2) bulan akan dilupuskan.
12. Kasut dan selipar Residen hendaklah disimpan di bilik masing-masing. Pihak EMA dan Dewan Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan dan/atau kerosakan pada kasut yang diletakkan di luar.
13. Residen tidak dibenarkan memasuki ruangan dapur Kafateria tanpa kebenaran dan tidak dibenarkan memasak di dapur atau bilik dengan apa cara sekalipun. Makanan yang disediakan oleh pentender kafe atau yang dibeli tidak dibenarkan dibawa ke bilik.
14. Residen tidak dibenarkan membawa atau menyimpan minuman keras atau daging khinzir dalam kawasan Dewan Malaysia.
15. Residen lelaki tidak dibenarkan masuk atau berada di bilik residen wanita dan sebaliknya.
16. Residen tidak dibenarkan membawa atau menyimpan di bilik apa-apa barangan atau benda yang menyalahi undang-undang Malaysia atau Australia.
17. Segala peralatan dan barangan kepunyaan Residen hendaklah disimpan semula di bilik masing-masing. Pihak EMA dan Dewan Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan barang peribadi.
18. Residen hendaklah mematuhi peraturan penggunaan peti sejuk. Sebarang makanan/minuman/benda yang boleh memudaratkan akan dibuang serta-merta. Residen juga bertanggungjawab atas sebarang benda yang disimpan di dalam peti sejuk.
19. Residen tidak dibenarkan/membenarkan orang luar untuk meletakkan kenderaan di dalam kawasan Dewan Malaysia tanpa kebenaran Pembantu Warden.

20. Pihak Pengurusan Dewan Malaysia berhak mengeluarkan semua barangan dari Dewan jika:
- barangan tersebut memberi ancaman dan bahaya kepada penghuni lain,
 - barangan tersebut merupakan sebahagian daripada bahan terlarang atau/dan tidak sepatutnya berada di premis Dewan Malaysia,
 - residen gagal membayar sewa sehingga tarikh yang ditetapkan.

FASAL 4: BAYARAN YURAN

1. Semua bayaran dalam nilai matawang AUD (Dolar Australia) sahaja. Deposit atau wang cagaran mestilah dijelaskan semasa daftar masuk dan membayar sewaan bilik selewat-lewatnya pada 7 haribulan setiap bulan kepada Pembantu Warden. Kadar sewaan sebagai Residen Dewan setiap orang sehari adalah seperti berikut:

AUD6.00 (Ijazah Pertama) AUD8.00 (Ijazah Lanjutan)

2. Adalah menjadi kewajiban bagi setiap residen Dewan Malaysia untuk menyimpan Resit Asal deposit bilik bagi tuntutan semula wang cagaran atau deposit bilik ketika mendaftar keluar pada setiap penghujung semester atau "*back for good*". Namun demikian, jika resit asal telah hilang, Residen harus mengemukakan *Statutory Declaration* (SD) yang dilakukan pihak berwajib negeri masing-masing bagi tujuan tuntutan semula deposit bilik.
3. Sejumlah wang AUD200 yang bertujuan sebagai cagaran atau deposit bilik **WAJIB** dibayar ketika mendaftar masuk dan nilai ini adalah termasuk kos pembersihan sebanyak AUD50. Bayaran pembersihan AUD50 akan ditolak terus dari deposit bilik residen.
4. Residen juga perlu mengambil gambar dan rekod keadaan sebenar bilik sebaik sahaja Residen mula mendiami bilik berkenaan. Keadaan sebenar bilik perlu disahkan dan ditandatangani oleh Residen dan Pihak Pengurusan Dewan Malaysia.
5. Baki sebanyak AUD150 akan dikembalikan **HANYA** ke dalam akaun bank Residen di Australia apabila pihak pengurusan Dewan Malaysia berpuas hati bahawa tiada lagi bayaran kerosakan bilik perlu ditanggung oleh Residen. Wang deposit akan **dipotong** (berdasarkan penilaian perkhidmatan atau barangan semasa) sekiranya:
- Residen tidak menepati kebersihan Dewan Malaysia, atau/dan;
 - kerosakan akibat kecuaiannya Residen, atau/dan;
 - keadaan tidak tertakluk seperti keadaan asal Residen mula memasuki bilik.
6. Bagi tujuan tuntutan, salinan Penyata Akaun Utama Bank hendaklah diserahkan bersama borang tuntutan rasmi dan dokumen berkaitan. *Secondary account*, contohnya eSaver, NetBank Saver dan lain-lain adalah tidak dibenarkan.

7. Wang deposit akan dipulangkan setelah tamat tempoh sebagai Residen Dewan Malaysia. Residen hendaklah mengemukakan tuntutan bayaran balik wang cagaran dengan mengisi borang yang ditetapkan (berserta resit asal dan penyata bank) dalam tempoh 30 hari (1 bulan) **sebelum** tamat/tarikh akhir sebagai Residen Dewan Malaysia. Residen juga diingatkan supaya tidak menutup akaun bank di Australia dalam tempoh 30 hari **selepas** tarikh beliau keluar dari Dewan Malaysia Australia bagi mengelakkan kesulitan berlaku terutamanya kepada Residen yang “back for good” dan ingin menggunakan akaun bank Malaysia.
8. Residen hendaklah memulangkan kunci sewaktu cuti panjang atau tamat pengajian untuk mengelakkan sebarang kecuaiian dan kehilangan semasa cuti panjang.
9. Residen juga tertakluk untuk terus membayar sewa bilik selagi tidak mendaftar keluar atau/dan barang masih berada di bilik.
10. Kunci bilik & akses kad (*SWAP CARD*) perlu dipulangkan sekiranya pulang bercuti. Walaupun bayar sewa sepanjang ketiadaan, ini adalah tujuan keselamatan agar dapat mengelakkan kunci tertinggal.
11. Sekiranya permohonan Residen untuk menetap semula tidak diluluskan, Residen boleh tinggal sebagai Penginap Transit selama **DUA (2) minggu setelah tarikh keluar**. Walau bagaimanapun, bayaran akan dinaikkan selepas hari ke-3 penginapan (AUD15 bagi Ijazah Pertama dan AUD18 bagi Ijazah Lanjutan).
12. Residen diwajibkan mengambil perkhidmatan yang disediakan oleh pentender kafeteria Dewan Malaysia (jika ada) serta membuat bayaran makan pada setiap 7hb setiap bulan.

FASAL 5: PROGRAM DAN AKTIVITI

1. Residen adalah diwajibkan menghadiri semua Mesyuarat/Taklimat Dewan anjuran EMA dan Mesyuarat/Taklimat Kelab Residen Dewan Malaysia (*Malaysia Hall Resident Club – MHRC*).
2. Residen Dewan Malaysia hendaklah melibatkan diri dan memberikan kerjasama secara kolektif dalam semua aktiviti yang dianjurkan oleh EMA dan Kelab Residen Dewan Malaysia (MHRC).
3. Residen yang beragama Islam digalakkan menunaikan solat fardhu secara berjemaah di Surau Dewan Malaysia.
4. Residen juga diwajibkan melibatkan diri dalam program gotong-royong yang telah ditetapkan oleh Dewan Malaysia.
5. Sebarang aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan Residen atau orang perseorangan di Dewan Malaysia hendaklah mendapat kelulusan pihak Pengurusan Dewan Malaysia terlebih dahulu. Residen hendaklah mengisi borang permohonan **DUA (2) minggu awal** dari pejabat pentadbiran untuk kelulusan pihak Education Malaysia

FASAL 6: KESALAHAN TATATERTIB

1. Sekiranya Residen menghilangkan kad akses (*SWAP CARD*) dan kunci bilik, pelajar perlu membuat laporan bertulis kepada pihak pejabat dan bayaran sebanyak AUD100 akan dikenakan pada pelajar (ditolak dari deposit).
2. Merujuk peraturan FASAL 5.2, sekiranya Residen gagal untuk melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang dijalankan di Dewan Malaysia Australia, Residen tersebut hendaklah membuat surat tunjuk sebab kepada pihak pengurusan. Kegagalan Residen untuk menghantar surat tunjuk sebab atau alasan yang diberikan tidak munasabah akan menyebabkan Residen dikenakan tindakan usir keluar daripada Dewan Malaysia dan/atau tidak akan dipertimbangkan untuk menjadi Residen Dewan Malaysia pada masa akan datang.
3. Residen yang membawa tetamu memasuki bilik tanpa kebenaran Pembantu Warden akan dikenakan tindakan (usir keluar) setelah terbukti salah.
4. Pihak EMA/Dewan Malaysia berhak mengambil sebarang tindakan serta merta kepada Residen sekiranya Residen melanggar dan/atau ingkar dengan peraturan yang telah ditetapkan, atau cuba mempengaruhi mana-mana pihak, atau mewujudkan perkara-perkara yang boleh mengganggu atau menimbulkan masalah kepada Residen/Penginap atau Pentadbir Dewan Malaysia ataupun mana-mana pihak.
5. Pihak EMA berhak membuat sebarang pindaan terhadap Peraturan Dewan Malaysia dari semasa ke semasa tanpa memberi sebarang notis kepada Residen.



AKUJANJI Residen Dewan Malaysia Australia

Saya _____

No. Kad Pengenalan _____ No. Pasport _____

Beralamat di _____

dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi Peraturan-peraturan Residen Dewan Malaysia Australia.

Saya juga berjanji akan:

- bersifat toleransi sesama residen dan mewujudkan suasana sejahtera tanpa mencetuskan keadaan yang tidak harmoni.
- bekerjasama dengan *Education Malaysia Australia* dan sesama residen dalam setiap aktiviti.
- mematuhi dan tidak melanggar peraturan dan undang-undang Malaysia dan Australia.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar Akujanji ini, saya boleh diminta keluar serta-merta dari Dewan ini.

Ditandatangani,

Diperakui,

.....

Nama Residen:

Bilik Residen:

No. Telefon:

Emel:

Tarikh:

.....

Pengarah

Education Malaysia Australia

Tarikh:

.....

Atase Pendidikan

Education Malaysia Australia

Tarikh: